

20 sekolah dilantik

Jelajah ICT bagi memastikan murid celik teknologi maklumat

■ SYAMILAH ZULKIFLI

SEREMBAN - Bagi meningkatkan kadar celik teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam kalangan murid sekolah rendah, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) mengambil inisiatif menganjurkan program Jelajah ICT membabitkan 20 buah sekolah rendah di negeri ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Usim, Profesor Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan berkata, program menerapkan pengajaran kemahiran dan etika penggunaan komputer itu menyasarkan pembantahan lebih 600 murid.

"Program ini dianjurkan Urus Setia Latihan Pembangunan Mahasiswa Usim dengan kerjasama pe-



Mohamad merasmikan program Jelajah ICT peringkat Negeri Sembilan sambil diperhatikan Hassan Basri (kiri).

jabat Menteri Besar Negeri Sembilan dan sebagai permulaan kita hanya pilih 20 buah sekolah sahaja.

"Kita nak beri penekanan terhadap elemen pemindah-

an ilmu ICT kepada pelajar di negeri ini supaya dapat beri impak positif, sekali gus meningkatkan kemajuan terhadap diri sendiri dan masyarakat secara amnya," katanya pada

Majlis Perasmian Jelajah ICT Peringkat Negeri Sembilan 2015 di Sekolah Kebangsaan Dato' Akhir Zaman, di sini, kelmarin.

Majlis dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan itu turut dihadiri Pengarah Pendidikan negeri, Datuk Kalsom Khalid.

Sementara itu Mohamad dalam ucapannya menyambut baik usaha dilakukan Usim dan berharap ia dapat diperluaskan ke sekolah luar bandar.

"Dasar Pembangunan 30 Tahun Negeri Sembilan bakal dilancarkan awal tahun hadapan ialah bagi mengatur pembangunan negeri ini secara berstrategi dan berfasa-fasa ke arah pemodenan mapan. Dan kemahiran menguasai ICT adalah salah satu cabang ilmu ke arah itu," katanya.